

## Malaysia Berhasrat Jadi Hab Pembuatan Kereta Api ASEAN

---

Pelaburan CRRC Perluas Peluang Kembangkan Kilang Di Batu Gajah Untuk Eksport

BATU GAJAH : Kerajaan mengalu-alukan pelaburan syarikat pengeluar lokomotif dunia, China Railway Rolling Stock Corp (CRRC) sebagai usaha menjadikan negara sebagai hab pembuatan kereta api bagi pasaran ASEAN. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata syarikat terbabit yang sebelum ini pernah melabur sebanyak RM400 juta untuk kilang pembuatan kereta api, mempunyai kapasiti menghasilkan 200 unit kereta api dalam tempoh setahun. Beliau juga berhasrat untuk mengembangkan kilang pembuatan kereta api, yang berpusat di Batu Gajah, Perak itu sebagai pusat pengeluar, seterusnya ke pasaran eksport ASEAN.

“Menerusi pelaburan syarikat CRRC ini, kilang terbabit berupaya menghasilkan kereta api dan komponen, sekali gus menggalakkan peluang pekerjaan serta pemindahan teknologi. Ini bermakna, kita melihat keupayaan negara menghasilkan stok guling (rolling stock) buatan Malaysia pada masa akan datang.” Katanya selepas membuat lawatan di kilang CRRC, di sini, semalam. Yang hadir sama, Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian, yang terdahulu menaiki Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) bersama Loke ke Batu Gajah. Sementara itu, Loke berkata, hubungan diplomasi Malaysia dan China akan terus diperkukuhkan menerusi hubungan dua hala berhubung pengangkutan khususnya dalam industri kereta api.

Selain itu, katanya, keupayaan kilang, CRRC juga akan dipertingkatkan supaya ia bukan hanya berupaya menyelenggara dan menghasilkan kereta api, tetapi juga mahir dalam kejuruteraan.

“Trend menunjukkan kebolehpasaran terhadap industri kereta api. Pengangkutan awam ini semakin mendapat permintaan tinggi dan digunakan di bandar besar Asia, contohnya Jakarta dan Bangkok yang cenderung untuk menaik taraf teknologi kereta api mereka.” Ketika ini, selain China, kilang pembuatan kereta api ini hanya ada Malaysia, maka industri ini mampu diperluaskan,” katanya. Sementara itu, Tian turut menyatakan keyakinannya terhadap pasaran negara yang potensi besar.

“Keupayaan Malaysia mempromosikan lima strategi tempatan merangkumi pasaran, perkhidmatan dan rekrut pekerja tempatan berjaya menghasilkan lebih 200 ratus pekerja mahir di dalam industri ini.” Justeru, saya melihat kerjasama antara dua negara ini mempunyai prospek yang baik dan berpotensi besar untuk maju,” katanya.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 5 | 4 JANUARI 2019**